

**Editor Suara Keadilan disoalsiasat polis
Malaysiakini.com
July 18, 2010**

Editor Suara Keadilan Dzulkarnain Taib disoalsiasat oleh ibu pejabat polis daerah Putrajaya hari ini, berhubung dakwaan yang akhbar PKR itu dikeluarkan tanpa permit serta penyiaran maklumat sulit.

"Mereka hanya mengambil kenyataan saya. Mereka sedang menyiasat kami di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan (PPPA) dan Akta Rahsia Rasmi (OSA)," kata Dzulkarnain ketika dihubungi Malaysiakini.

Ia ekoran laporan polis yang dibuat oleh Kementerian Dalam Negeri (KDN) pada 12 Julai - satu, mendakwa penerbitan dokumen-dokumen rahsia di muka depan akhbar Keadilan yang diedarkan oleh parti tersebut dan satu lagi dakwaan ialah penerbitan menggunakan permit yang telah luput.

Permit penerbitan Suara Keadilan tamat pada 7 Julai dan KDN tidak memperbaharunya, selepas mengeluarkan empat surat tunjuk sebab tetapi kementerian tersebut didakwa tidak puas hati dengan jawapan yang diberikan.

Menurut Dzulkarnain, semasa disoal siasat selama sejam itu, seorang pegawai berpangkat ASP merakamkan kenyataannya mengenai penyiaran dokumen OSA dalam Keadilan.

"Mereka juga ingin tahu tentang penerbitan Keadilan, sesiapa yang terlibat, bila dan bagaimana," katanya.

Ketua Penerangan PKR, Latheefa Koya yang juga seorang peguam, menemani Dzulkarnain sewaktu sesi soalsiasat tersebut.

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/137672>